

KONSEPTUALISASI DAN OPERASIONALISASI NILAI TERAS DALAM DSKP PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

CONCEPTUALISATION AND OPERATIONALISATION OF CORE VALUES IN THE YEAR 4 MORAL EDUCATION CURRICULUM

Khairunnisa A Shukor^{1*}
Ahmad Firdaus Mohd Noor²
Muhd Imran Abd Razak³
Mohd Farhan Abd Rahman⁴
Nor Adina Abdul Kadir⁵
Nafisah Ilham Hussin⁶

¹ Department of Moral Studies, Civics and Character Building, Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
(Email: khairunnisa.a@fsk.upsi.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 326100 Seri Iskandar, Perak, Malaysia
(E-mail: firdausnoor@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 326100 Seri Iskandar, Perak
(E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 326100 Seri Iskandar, Perak
(E-mail: farhan84@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Melaka Branch, Alor Gajah Campus, 78000 Alor Gajah, Melaka, MALAYSIA
(E-mail: noradina@uitm.edu.my)

⁶ Department of Moral Studies, Civics and Character Building, Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
(Email: nafisah@fsk.upsi.edu.my)

*Corresponding author: khairunnisa.a@fsk.upsi.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025
Revised date : 20-6-2025
Accepted date : 25-7-2025
Published date : 15-8-2025

To cite this document:

A Shukor, K., Mohd Noor, A.F., Abd Razak, M. I., Abd Rahman. M.F., Abdul Kadir. N.A., & Hussin, N.A. (Year). Konseptualisasi dan operasionalisasi nilai teras dalam DSKP Pendidikan Moral Tahun 4. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 594 - 609.

Abstrak: Pelaksanaan Pendidikan Moral di sekolah rendah sering berdepan dengan kekaburan dalam mentafsir dan mengoperasikan nilai-nilai teras seperti yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Ketidadaan definisi yang jelas serta model pengoperasian yang terperinci menyukarkan guru untuk menyampaikan pengajaran nilai secara konsisten dan bermakna. Kajian ini bertujuan untuk membina kerangka konseptual dan pernyataan operasi bagi nilai-nilai teras dalam DSKP Pendidikan Moral Tahun 4. Nilai-nilai tersebut ditakrif secara konseptual dan kontekstual, serta disusun berdasarkan enam tema progresif iaitu diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia. Seterusnya, pernyataan operasi nilai dibina mengikut domain pembelajaran kognitif, afektif dan

psikomotor. Hasilnya, satu kerangka nilai yang sistematis dan menyeluruh telah dibangun, sejajar dengan keperluan modul digital pendidikan moral berasaskan pendekatan neoterik. Kajian ini diharapkan dapat menyokong pelaksanaan pengajaran dan pentaksiran nilai yang lebih terarah dalam sistem pendidikan rendah.

Kata Kunci: Pendidikan Moral, DSKP, nilai teras, konseptualisasi, pernyataan operasi, domain pembelajaran.

Abstract: *The implementation of Moral Education in primary schools often faces challenges due to the lack of clarity in defining and operationalizing the core values outlined in the Standard Curriculum and Assessment Document (DSKP). The absence of explicit definitions and structured operational models hinders teachers from delivering consistent and meaningful value-based instruction. This study aims to develop a conceptual framework and operational statements for the core values in the Year 4 Moral Education DSKP. The values are defined both conceptually and contextually, and categorized into six progressive themes: self, family, school, society, nation, and world. Operational statements are constructed based on the cognitive, affective, and psychomotor learning domains. The outcome is a structured and comprehensive value framework aligned with the needs of digital modules grounded in a neoteric moral education approach. This study is expected to support more systematic and focused implementation of value-based teaching and assessment in primary education.*

Keywords: Moral Education, DSKP, core values, conceptualization, operational statement, learning domains.

Pengenalan

Pendidikan Moral di peringkat sekolah rendah merupakan asas utama dalam membentuk peribadi murid yang berakhlak mulia, berpanduan nilai sejagat dan budaya tempatan yang berteraskan Rukun Negara serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2017). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) menjadi asas dalam pembentukan kurikulum moral yang menyeluruh dan seimbang. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tahun 4 telah menetapkan sejumlah 14 nilai murni sebagai teras dalam membina jati diri dan kesejahteraan murid bukan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Usaha pemantapan pendidikan moral telah dilaksanakan melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Moral Malaysia 2019–2025 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2019) yang menggariskan pendekatan nilai dalam sistem pendidikan negara.

Namun, dalam pelaksanaannya, masih terdapat kekaburan dalam bagaimana nilai-nilai tersebut harus dikonseptualisasi dan dioperasikan secara sistematis dalam konteks pengajaran, pembelajaran, dan pentaksiran. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa guru menghadapi kesukaran untuk mentafsir maksud sebenar nilai serta menzahirkan bentuk amalan yang boleh diukur dalam bilik darjah (Zulkifli et al., 2021; Noor Asiah, 2019; Nachiappan et al., 2020). Guru sering bergantung pada penerangan literal dan contoh kontekstual yang terhad dalam buku teks, tanpa panduan konseptual atau operasional yang jelas. Ini menyukarkan proses pengajaran, pentaksiran, serta pembangunan instrumen yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid.

Di samping itu, ketiadaan model konseptual yang menyusun nilai dalam bentuk indikator tingkah laku, domain pelaksanaan (kognitif, afektif, psikomotor), serta strategi pedagogi menyukarkan pengoperasian nilai secara menyeluruh (Vishalache, 2015). Keadaan ini menyebabkan pemupukan nilai berlaku secara *ad hoc*, tanpa panduan yang konsisten. Sebagaimana yang diuraikan oleh pelbagai sarjana, konseptualisasi nilai merujuk kepada penjelasan makna sesuatu konsep dan penggunaannya mengikut konteks, manakala operasionalisasi nilai pula bermaksud mengenal pasti elemen atau perlakuan yang boleh diukur dan mewakili konsep tersebut dalam situasi kehidupan sebenar (Neuman, 2014; Kerlinger & Lee, 2000; Kivunja, 2018; dalam Sapie & Shukor, 2023). Dalam konteks pendidikan nilai, usaha ini penting bagi membina hubungan antara makna nilai dan perlakuan yang boleh dicerap serta dinilai oleh guru. Apabila nilai dikonseptualisasikan dan dioperasionalisasikan secara menyeluruh, ia dapat membantu membentuk asas yang kukuh bagi pemupukan akhlak dalam kurikulum dan pelaksanaan pengajaran harian.

Maka, keperluan untuk membangunkan satu kaedah konseptualisasi dan operasionalisasi nilai dalam DSKP Pendidikan Moral Tahun 4 menjadi sangat signifikan. Pendekatan ini bukan sahaja dapat membantu memperjelas makna sesuatu nilai, malah membolehkan guru membina pernyataan tingkah laku berdasarkan domain kognitif, afektif dan psikomotor, serta menjalankan pentaksiran yang lebih autentik dan bersifat formatif. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk membina satu cadangan pemetaan nilai teras berdasarkan DSKP Pendidikan Moral Tahun 4 melalui proses konseptualisasi dan operasionalisasi. Proses ini dijalankan dengan memadankan tafsiran nilai berdasarkan teori dan dokumen dasar dengan bentuk indikator amalan yang sesuai untuk tahap perkembangan murid tahun 4. Usaha ini diharapkan dapat membantu guru, penggubal kurikulum, dan penyelidik dalam memperkukuhkan pendidikan nilai secara lebih terarah, sistematik, dan bermakna.

Sorotan Literatur

Asas Teori dan Dasar Pendidikan Nilai

Pendidikan Moral di Malaysia telah digubal untuk membentuk murid yang berakhlak mulia, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. DSKP Pendidikan Moral Tahun 4 (KPM, 2017) menetapkan 14 nilai teras yang perlu diterapkan dalam kalangan murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah. Nilai-nilai ini meliputi aspek peribadi, keluarga, masyarakat, dan negara yang mencerminkan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Instrumen Pentaksiran Pendidikan Moral oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2021) menekankan elemen pengetahuan, penghayatan, dan pengamalan nilai sebagai asas pengukuran prestasi murid.

Walau bagaimanapun, pelbagai kajian telah menunjukkan berlakunya kekeliruan dalam kalangan guru tentang bagaimana nilai ini perlu diterjemahkan dalam bentuk pengajaran yang berkesan. Kajian oleh Noor Asiah (2019) dan Nachiappan et al. (2020) mendapati bahawa guru sering menghadapi cabaran dalam mentafsir maksud sebenar nilai serta kesukarannya untuk menzahirkan amalan nilai dalam bentuk yang boleh diperhatikan dan diukur. Zulkifli et al. (2021) pula menegaskan bahawa pelaksanaan Pendidikan Moral seringkali berlaku secara *ad hoc* tanpa struktur konseptual yang konsisten.

Tambahan pula, aspek domain afektif merupakan bahagian yang paling mencabar untuk diajar dan dinilai. Menurut Vishalache (2015), pengukuran afektif tidak berlaku dengan jelas kerana

tiadanya indikator tingkah laku yang berpandukan kepada teori perkembangan nilai yang sistematis. Masalah ini turut disokong oleh Ketut (2021) yang menekankan bahawa:

“The moral curriculum often lacks clear direction in how values are implemented pedagogically, resulting in inconsistency in classroom practice.”

Dalam hal ini, konsep konseptualisasi dan operasionalisasi nilai menjadi penting. Konseptualisasi nilai merujuk kepada penjelasan makna sesuatu nilai berdasarkan konteks falsafah, budaya dan perkembangan kanak-kanak, manakala operasionalisasi pula bermaksud penterjemahan nilai tersebut kepada bentuk tingkah laku yang boleh diperhati dan diukur melalui aktiviti bilik darjah serta pentaksiran (Marzuki et al., 2023; Vishalache, 2015).

Beberapa model luar negara telah mengemukakan struktur pengajaran nilai berasaskan indikator dan domain pelaksanaan (kognitif, afektif dan psikomotor), namun model ini masih belum diadaptasi secara menyeluruh dalam sistem Pendidikan Moral di Malaysia. Hal ini turut dinyatakan oleh McCarty (2022) bahawa:

“In multicultural settings, values education must be supported by a clear and context-sensitive operational framework to avoid misinterpretation and tokenistic practices.”

Sehubungan itu, penghasilan satu bentuk pemetaan nilai teras dalam DSKP berdasarkan tema dan domain pelaksanaan amat diperlukan bagi memastikan penyampaian nilai dalam Pendidikan Moral menjadi lebih sistematis, bermakna dan sesuai dengan tahap perkembangan murid.

Konseptualisasi Nilai Teras DSKP Pendidikan Moral Tahun 4

Konseptualisasi nilai merujuk kepada proses mentafsir dan memperjelas makna sesuatu nilai dalam konteks pendidikan dan sosial yang spesifik. Dalam Pendidikan Moral, proses ini amat penting bagi memastikan nilai yang diajar tidak bersifat abstrak semata-mata, tetapi dapat difahami dengan jelas oleh murid dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Vishalache (2015) menegaskan bahawa pengajaran nilai harus bermula dengan pemahaman yang jelas tentang maksud dan skop nilai tersebut agar murid dapat membentuk kefahaman yang bermakna dan sejajar dengan perkembangan moral mereka.

DSKP Pendidikan Moral Tahun 4 telah menggariskan sebanyak 14 nilai teras yang menjadi asas pembentukan akhlak mulia dalam kalangan murid bukan Islam. Namun begitu, dokumen tersebut tidak menyediakan definisi yang jelas bagi setiap nilai, menyebabkan berlakunya tafsiran berbeza dalam kalangan guru dan pelaksana kurikulum (Noor Asiah, 2019; Zulkifli et al., 2021). Justeru, kajian ini mengemukakan usaha konseptualisasi nilai berdasarkan gabungan sumber ilmiah, dokumen dasar serta teori pembangunan moral.

Setiap nilai dianalisis berdasarkan:

- Definisi konseptual: Merujuk kepada makna umum dan akademik bagi sesuatu nilai dalam konteks moral dan pendidikan.
- Kaitan dengan tema: Setiap nilai dikelompokkan mengikut enam tema utama Pendidikan Moral, iaitu Diri, Keluarga, Sekolah, Masyarakat, Negara, dan Dunia.

- Pengelasan domain pendidikan: Nilai-nilai dihubungkan dengan domain kognitif, afektif, dan psikomotor untuk memastikan kesesuaian dengan tahap perkembangan murid Tahun 4.

Pendekatan ini membolehkan nilai dijelaskan secara lebih sistematik dan berfungsi sebagai asas kepada pengoperasian nilai dalam bentuk tingkah laku yang dapat diajar, diperhatikan dan dinilai. Ini sejajar dengan saranan Nachiappan et al. (2020) bahawa pendidikan nilai yang berkesan memerlukan pemetaan konsep yang konsisten antara dokumen dasar dan pelaksanaan di bilik darjah.

Operasionalisasi Nilai Teras DSKP Tahun 4

Operasionalisasi nilai merupakan proses penting dalam menterjemahkan nilai abstrak kepada bentuk yang boleh difahami, diperhatikan, dan dinilai secara objektif dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Sapie et al. (2016) menekankan bahawa strategi pedagogi perlu memberi ruang kepada ekspresi afektif yang autentik agar nilai benar-benar dihayati oleh murid. Di peringkat antarabangsa, pendekatan nilai seperti di Singapura menunjukkan bahawa pendidikan nilai memerlukan keseimbangan antara arahan formal dan pembelajaran kontekstual (Tan, 2011). Menurut Nucci dan Narváez (2008), pendidikan nilai yang berkesan harus berasaskan pemahaman konseptual yang kukuh serta dapat dikaitkan dengan konteks kehidupan murid. Dalam Pendidikan Moral, proses ini menjadi landasan kepada penilaian perkembangan murid dalam menghayati dan mengamalkan nilai murni, bukan sekadar memahami secara teoritikal. Justeru, kajian ini membangunkan pernyataan operasi bagi setiap nilai berdasarkan dua pendekatan utama: pertama, pengelompokan nilai mengikut tema pendidikan moral yang progresif; dan kedua, pemetaan domain pembelajaran berdasarkan model taksonomi.

Pengelompokan Nilai Mengikut Tema

Secara asasnya, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tahun 4 menyusun pembelajaran nilai melalui 14 tajuk berasingan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Namun, dalam usaha mewujudkan struktur pendidikan nilai yang lebih sistematik dan berfasa — selaras dengan pembangunan modul digital berteraskan pendekatan neoterik — kajian ini mencadangkan penyusunan semula nilai-nilai tersebut kepada enam tema utama, iaitu:

1. Diri
2. Keluarga
3. Sekolah
4. Masyarakat
5. Negara
6. Dunia

Pembahagian ini didasarkan kepada prinsip perkembangan nilai moral yang progresif daripada diri ke masyarakat lebih luas, sebagaimana digariskan oleh pendekatan Character Education (Lickona, 1991), teori perkembangan moral Piaget dan Kohlberg (1984), serta kehendak kurikulum nilai kebangsaan. Lickona (1991) menyatakan bahawa pembentukan watak harus bermula dari diri dan berkembang ke arah tanggungjawab sosial yang lebih luas. Piaget (1965) menekankan bahawa pemahaman nilai berkait rapat dengan perkembangan kognitif dan moral murid yang berlaku secara berperingkat. Manakala, Menurut Kohlberg (1984), tahap perkembangan moral murid dapat dianalisis berdasarkan teori Kohlberg yang menjelaskan perkembangan bilai melalui enam tahap. Pengelompokan ini juga dapat membantu murid

membina kesedaran dan kepekaan nilai dalam konteks sosial yang semakin luas dan kompleks secara berperingkat, seiring dengan perkembangan usia dan keupayaan kognitif mereka.

Tiga Domain Pembelajaran dalam Pendidikan Moral

Setiap nilai dianalisis dan dioperasikan melalui tiga domain pembelajaran utama yang diadaptasi daripada Taksonomi Bloom yang telah disemak semula oleh Krathwohl dan Anderson (2001), iaitu:

- Kognitif – Pengetahuan dan kefahaman murid tentang maksud dan kepentingan sesuatu nilai dalam kehidupan seharian.
- Afektif – Perasaan, sikap, kepercayaan dan motivasi dalaman murid terhadap nilai tersebut.
- Psikomotor – Tingkah laku atau perlakuan nyata yang menunjukkan penghayatan dan amalan terhadap nilai dalam situasi harian.

Pendekatan ini penting kerana Pendidikan Moral bukan hanya bertujuan untuk menyampaikan maklumat, tetapi lebih kepada membantu murid menginternalisasi nilai dan mengamalkannya secara konsisten.

Cabaran Pengukuran Domain Afektif dan Pendekatan Triangulasi

Pelbagai kajian telah membuktikan bahawa domain afektif merupakan dimensi yang paling mencabar untuk diukur dalam pendidikan nilai (Noor Asiah, 2019; Sapie et al., 2016). Hal ini kerana unsur sikap, perasaan dan komitmen moral merupakan elemen dalaman yang tidak mudah diperhati secara langsung.

Bagi mengatasi cabaran ini, kajian ini menggunakan pendekatan **triangulasi domain**, iaitu dengan membina pernyataan operasi bagi setiap nilai yang mencerminkan kesinambungan logik antara:

- **Tahu** – Pemahaman nilai secara kognitif
- **Rasa** – Penghargaan terhadap nilai secara afektif
- **Buat** – Pengamalan nilai secara psikomotor

Pendekatan ini juga seiring dengan kehendak Standard Prestasi dalam DSKP, yang menilai pencapaian murid berdasarkan perkembangan pengetahuan, penghayatan, dan pengamalan nilai secara holistik dalam konteks kehidupan sebenar.

Pengelompokan Nilai Mengikut Tema

Sebagai lanjutan kepada pendekatan konseptual dan operasional, nilai-nilai teras dalam DSKP Pendidikan Moral Tahun 4 dipetakan secara sistematik mengikut tema progresif perkembangan moral, iaitu: Diri, Keluarga, Sekolah, Masyarakat, Negara, dan Dunia. Pemetaan ini bertujuan untuk menyusun pengalaman pembelajaran murid secara lebih tersusun, bermula daripada peringkat intrapersonal sehingga kepada tanggungjawab sosial dan global.

Setiap nilai dipersembahkan dalam jadual yang mengandungi:

Definisi Konseptual – Makna nilai secara umum dan akademik.

Definisi Kontekstual – Penyesuaian makna nilai kepada tahap kognitif murid Tahun 4.

Penyataan Operasi – Penzahiran nilai melalui indikator tingkah laku yang boleh diperhati dan diukur.

Domain – Klasifikasi kepada kognitif, afektif atau psikomotor.

Susunan ini bukan sahaja membantu guru memahami maksud sebenar nilai, malah memudahkan proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran berdasarkan standard prestasi yang telah ditetapkan.

Seterusnya, jadual pemetaan nilai akan dibahagikan mengikut tema berikut:

1. Diri
2. Keluarga
3. Sekolah
4. Masyarakat
5. Negara
6. Dunia

Setiap jadual tema akan dipaparkan secara terperinci bagi nilai yang terlibat dalam tema tersebut. Pembahagian ini didasarkan kepada prinsip perkembangan nilai moral yang progresif daripada diri ke masyarakat luas, sebagaimana digariskan oleh pendekatan Character Education (Lickona, 1991), teori perkembangan moral Piaget dan Kohlberg, serta kehendak kurikulum nilai kebangsaan (Halstead & Taylor, 2000). Selain itu, pengelompokan mengikut tema ini dapat membantu murid membina kesedaran dan kepekaan nilai dalam konteks sosial yang semakin meluas dan kompleks.

Tema 1: Diri

Tema Diri merangkumi nilai-nilai asas yang membentuk jati diri murid dalam mengenal, memahami, dan mengawal tingkah laku peribadi selaras dengan norma masyarakat. Nilai-nilai ini membina landasan kukuh untuk perkembangan moral dalam konteks yang lebih luas seperti keluarga, sekolah dan masyarakat. Jadual 1 menunjukkan subtema-subtema yang telah diletakkan di bawah tema Diri disertakan dengan definisi konseptual daripada Marzuki et al. (2020), pernyataan operasi, dan contoh tingkah laku murid.

Jadual 1: Subtema-subtema bagi Tema Diri

No.	Subtema & Definisi Kontekstual	Domain	Penyataan Operasi
1	Kejujuran - Sikap ikhlas dan benar dalam perkataan dan perbuatan, walaupun dalam situasi yang sukar	Kognitif Afektif	Mengetahui maksud jujur serta dapat menerangkan kepentingannya dalam kehidupan seharian diri sendiri. Cth: Menyatakan maksud jujur dan memberi contoh bersikap jujur terhadap diri sendiri. Menunjukkan rasa bersalah apabila tidak jujur terhadap diri sendiri, dan menghargai kejujuran sebagai prinsip diri. Cth: Rasa serba salah apabila berbohong tentang emosi atau pencapaian diri, berazam untuk bercakap benar.

	Psikomotor	Bertindak jujur terhadap diri sendiri dalam membuat keputusan dan penilaian peribadi tanpa pengaruh luar. Cth: Mengaku kesilapan peribadi dalam buku refleksi, menulis jurnal harian dengan jujur tentang tingkah laku.
2	Bertanggungjawab	Mengetahui maksud tanggungjawab terhadap diri sendiri dan memahami akibat mengabaikannya. Cth: Menjelaskan tanggungjawab menjaga kesihatan, kebersihan diri, dan mengurus masa sendiri.
	-Tanggungjawab	
	ialah kesanggupan menerima dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sebaiknya.	
	Kognitif	
	Afektif	Menunjukkan rasa bangga dan puas hati apabila bertindak bertanggungjawab terhadap diri sendiri. Cth: Rasa seronok apabila mandi dan gosok gigi tanpa disuruh, rasa bersalah jika tidur lewat dan lewat ke sekolah.
	Psikomotor	Melaksanakan tanggungjawab terhadap diri secara konsisten tanpa dipaksa. Cth: Menyusun jadual harian sendiri, menyediakan pakaian dan beg sekolah setiap malam tanpa disuruh.
3	Kepercayaan kepada Tuhan	Mengetahui maksud kepercayaan kepada Tuhan dan kaitannya dengan nilai murni dalam kehidupan diri. Cth: Menjelaskan bahawa Tuhan menyukai orang yang jujur dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri.
	-Keyakinan bahawa Tuhan sentiasa melihat, mendengar, dan mengetahui setiap perbuatan baik dan buruk seseorang.	
	Kognitif	
	Afektif	Menunjukkan rasa takut melakukan perkara yang buruk kerana yakin Tuhan melihat. Cth: Menyesal selepas berbohong atau malas kerana teringat ajaran agama.
	Psikomotor	Melakukan amalan baik seperti berdoa dan bermuhasabah sebagai tanda kepercayaan kepada Tuhan. Cth: Membaca doa sebelum belajar dan menulis refleksi amalan harian.

Tema 2: Keluarga

Tema Keluarga menekankan nilai-nilai yang membentuk hubungan erat dan harmoni dalam institusi keluarga. Nilai-nilai ini membantu murid membina ikatan emosi yang positif, memupuk rasa tanggungjawab terhadap ahli keluarga, serta mengukuhkan kefahaman terhadap peranan setiap individu dalam sesebuah keluarga. Tema ini juga berperanan sebagai asas kepada pembangunan moral dalam komuniti yang lebih luas. Jadual 2 menunjukkan subtema-subtema yang diletakkan di bawah tema Keluarga disertakan dengan definisi konseptual daripada Marzuki et al. (2020), pernyataan operasi, dan contoh tingkah laku murid.

Jadual 2: Subtema-subtema bagi Tema Keluarga

No.	Subtema & Definisi Kontekstual	Domain	Penyataan Operasi
1	Kasih Sayang -Perasaan sayang yang mendalam dan ikhlas terhadap ahli keluarga serta keinginan untuk menjaga kebajikan mereka.	Kognitif	Mengetahui maksud kasih sayang dalam keluarga serta kepentingannya. Cth: Menjelaskan kenapa kita perlu menyayangi ibu bapa dan adik-beradik.
		Afektif	Menunjukkan perasaan kasih sayang melalui penghargaan dan empati terhadap ahli keluarga. Cth: Memeluk ibu bapa apabila mereka sedih, mengucapkan terima kasih kepada adik yang membantu.
		Psikomotor	Melakukan perbuatan yang mencerminkan kasih sayang dalam keluarga. Cth: Menolong ibu memasak, mengemas rumah bersama ayah, menjaga adik kecil dengan sabar.
2	Berterima Kasih -Perasaan menghargai dan mengucapkan penghargaan atas jasa dan bantuan ahli keluarga.	Kognitif	Mengetahui maksud dan kepentingan berterima kasih dalam keluarga. Cth: Menjelaskan sebab kita perlu berterima kasih kepada ibu yang menyediakan makanan.
		Afektif	Menunjukkan rasa syukur dan bangga terhadap usaha dan pengorbanan ahli keluarga. Cth: Rasa terharu apabila ibu bangun awal untuk masak sarapan, menghargai ayah yang bekerja keras.
		Psikomotor	Mengucapkan terima kasih melalui kata-kata atau perbuatan kepada ahli keluarga. Cth: Mengucapkan “terima kasih” setiap kali dibantu, memberi pelukan atau hadiah kecil kepada ahli keluarga.
3	Hemah Tinggi - Tingkah laku sopan, santun dan bersopan dalam pertuturan dan tindakan dalam keluarga.	Kognitif	Mengetahui maksud berhemah tinggi dan kepentingannya dalam menjaga keharmonian keluarga. Cth: Menjelaskan maksud pertuturan yang sopan dan mengapa adab dalam keluarga penting.
		Afektif	Menunjukkan rasa hormat dan kasih sayang melalui tutur kata dan tingkah laku yang santun kepada ahli keluarga. Cth: Menunjukkan wajah ceria dan menggunakan nada suara yang lembut semasa bercakap dengan ibu bapa atau adik-beradik.
		Psikomotor	Berinteraksi dengan sopan dalam tindakan harian bersama keluarga. Cth: Mengucapkan salam dengan tertib, menunggu giliran bercakap, dan meminta izin sebelum menggunakan barangan keluarga.

Tema 3: Sekolah

Tema Sekolah memberi fokus kepada nilai-nilai yang memupuk sikap positif dalam hubungan antara murid, guru, dan komuniti sekolah. Nilai-nilai ini penting dalam membina suasana pembelajaran yang harmonis, menghargai peraturan, serta memperkasa interaksi sosial dan kerjasama dalam bilik darjah dan persekitaran sekolah. Pelaksanaan nilai dalam tema ini dapat meningkatkan rasa hormat, tanggungjawab, dan disiplin sendiri dalam kalangan murid. Jadual berikut menunjukkan subtema-subtema yang diletakkan di bawah tema Sekolah disertakan dengan definisi konseptual daripada Marzuki et al. (2020), pernyataan operasi, dan contoh tingkah laku murid.

Jadual 3: Subtema-subtema bagi Tema Sekolah

No.	Subtema & Definisi Kontekstual	Domain	Pernyataan Operasi
1	Hormat -Sikap menghargai, memuliakan dan tidak mempersendakan orang lain, termasuk guru dan rakan.	Kognitif Afektif Psikomotor	Mengetahui maksud hormat serta dapat menerangkan kepentingannya dalam hubungan di sekolah. Cth: Menyatakan maksud hormat kepada guru dan rakan serta kenapa perlu diam ketika guru bercakap. Menunjukkan perasaan hormat melalui sikap empati dan tidak memperlekeh orang lain. Cth: Rasa bersalah apabila menyampuk guru atau mengejek rakan yang tidak pandai. Melakukan perbuatan yang mencerminkan hormat kepada warga sekolah. Cth: Berdiri memberi salam kepada guru, tidak melangkah barang guru, mendengar rakan bercakap tanpa mencelah.
2	Kerjasama -Sikap saling membantu dan melibatkan diri dalam aktiviti sekolah demi kebaikan bersama.	Kognitif Afektif Psikomotor	Mengetahui kepentingan bekerjasama dalam tugas dan aktiviti sekolah. Cth: Menjelaskan faedah bekerjasama semasa gotong-royong dan kerja kumpulan. Menunjukkan sikap positif terhadap rakan dan aktiviti berkumpulan. Cth: Rasa gembira apabila dapat membantu rakan menyelesaikan tugas. Terlibat secara aktif dalam aktiviti yang memerlukan kerjasama. Cth: Menyapu sampah dalam kumpulan, membahagikan tugas semasa projek kelas.
3	Kerajinan - Usaha yang berterusan dan tidak mudah berputus asa dalam melaksanakan tugas	Kognitif Afektif	Mengetahui maksud kerajinan serta kepentingannya dalam mencapai kejayaan di sekolah. Cth: Menjelaskan maksud rajin belajar dan faedahnya terhadap pencapaian akademik. Menunjukkan minat dan semangat dalam menyelesaikan tugas sekolah walaupun menghadapi cabaran.

pembelajaran dan
aktiviti sekolah.

Cth: Menyiapkan kerja rumah tepat pada waktunya, membantu guru menyusun bahan PdP, serta hadir awal ke kelas.

Psikomotor Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan tugas sekolah secara konsisten.
Cth: Menyiapkan kerja rumah tepat pada waktunya, membantu guru menyusun bahan PdP, serta hadir awal ke kelas.

Tema 4: Masyarakat

Tema Masyarakat menekankan pembentukan hubungan baik antara murid dengan komuniti luar sekolah, seperti jiran, orang tua, dan anggota masyarakat lain. Nilai-nilai dalam tema ini memupuk rasa prihatin, empati, serta kesedaran akan tanggungjawab sosial sebagai ahli masyarakat. Melalui penghayatan nilai-nilai ini, murid dididik agar peka terhadap keperluan orang lain, bertolak ansur, dan dapat hidup secara harmoni dalam masyarakat majmuk. Jadual berikut menunjukkan subtema-subtema bagi tema ini berdasarkan definisi konseptual oleh Marzuki et al. (2020), disertakan pernyataan operasi dan contoh tingkah laku.

Jadual 4: Subtema-subtema bagi Masyarakat

No.	Subtema & Definisi Kontekstual	Domain	Pernyataan Operasi
1	Toleransi - Sikap bertimbang rasa dan sanggup bertolak ansur terhadap perbezaan agama, budaya dan pandangan.	Kognitif	Mengetahui maksud toleransi serta memberi contoh situasi yang memerlukan sikap ini dalam masyarakat. Cth: Menjelaskan maksud bertolak ansur semasa menyambut perayaan jiran.
		Afektif	Menunjukkan sikap terbuka dan menghormati perbezaan. Cth: Rasa hormat terhadap jiran berlainan agama yang sedang beribadah.
		Psikomotor	Bertindak dengan sopan dan saling menghormati dalam interaksi masyarakat. Cth: Mengucapkan “Selamat Menyambut Hari Raya” kepada jiran berlainan kaum.
2	Baik Hati - Sikap suka menolong orang lain tanpa mengharap balasan.	Kognitif	Mengetahui kepentingan bersikap baik hati dalam kehidupan bermasyarakat. Cth: Menjelaskan faedah membantu jiran semasa kecemasan.
		Afektif	Menunjukkan keikhlasan dalam membantu orang lain. Cth: Rasa simpati apabila melihat jiran dalam kesusahan dan ingin membantu.
		Psikomotor	Melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan di kawasan kejiranan. Cth: Menghantar makanan kepada jiran sakit, menyertai gotong-royong Rukun Tetangga.

3	Keberanian -Kesanggupan melakukan sesuatu yang betul walaupun menghadapi cabaran atau risiko demi kebaikan bersama dalam masyarakat.	Kognitif	Mengetahui maksud keberanian serta memahami kepentingannya dalam menghadapi cabaran dalam masyarakat. Cth: Menjelaskan tindakan berani menegur rakan yang membuli atau membuang sampah merata-rata.
		Afektif	Menunjukkan keyakinan diri dan keazaman untuk melakukan perkara yang betul demi keharmonian masyarakat. Cth: Rasa bangga selepas menyuarakan pendapat dalam mesyuarat kelas tentang kebersihan taman permainan.
		Psikomotor	Melaksanakan tindakan berani secara aktif dan bertanggungjawab dalam masyarakat. Cth: Membantu rakan yang diganggu, melaporkan kejadian tidak wajar kepada guru atau pihak berkuasa, menyertai aktiviti sukarelawan.

Tema 5: Negara

Tema Negara memberi penekanan kepada pembentukan nilai patriotik dan semangat kenegaraan dalam diri murid. Nilai-nilai dalam tema ini membantu murid menghargai jasa pemimpin, menghayati sejarah negara, menghormati lambang kenegaraan serta berperanan sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Penerapan nilai ini menyumbang kepada kestabilan dan kesejahteraan negara melalui generasi muda yang beretika dan berjiwa patriotik. Jadual berikut memperincikan subtema-subtema di bawah tema ini bersama definisi konseptual oleh Marzuki et al. (2020), pernyataan operasi, serta contoh tingkah laku murid.

Jadual 5: Subtema-subtema bagi Negara

No.	Subtema & Definisi Kontekstual	Domain	Penyataan Operasi
1	Keadilan - Layanan yang saksama dan seimbang terhadap diri, orang lain serta masyarakat, tanpa mengira latar belakang, demi keharmonian negara.	Kognitif	Mengetahui maksud dan prinsip keadilan serta memahami kepentingannya dalam kehidupan bernegara. Cth: Menjelaskan bahawa semua rakyat perlu dilayan sama rata tanpa mengira bangsa, agama atau status.
		Afektif	Menunjukkan rasa hormat dan empati terhadap hak dan keperluan orang lain dalam pelbagai situasi. Cth: Rasa tidak setuju jika seseorang didiskriminasi atas sebab tertentu, dan menghargai keadilan sebagai nilai utama negara.
		Psikomotor	Mengamalkan sikap adil dalam tingkah laku harian sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Cth: Berkongsi kemudahan awam secara adil, memberi peluang bersuara kepada semua ahli kumpulan, tidak mengutamakan rakan karib dalam pembahagian tugas.

Tema 6: Dunia

Tema Dunia membawa murid kepada nilai-nilai sejagat yang melampaui sempadan negara, seperti kesederhanaan dan tanggungjawab terhadap keamanan serta keharmonian global. Tema ini mengajak murid menghargai kehidupan sebagai warga dunia yang bertanggungjawab, membentuk empati terhadap manusia sejagat dan alam sekitar, serta membina sikap inklusif dalam pergaulan antara bangsa dan budaya. Jadual berikut menghimpunkan subtema yang relevan dengan tema ini beserta definisi konseptual, pernyataan operasi, dan contoh tingkah laku murid.

Jadual 6: Subtema-subtema bagi Dunia

No.	Subtema & Definisi Kontekstual	Domain	Pernyataan Operasi
1	Kesederhanaan - Sikap bersederhana dalam pemikiran, tingkah laku dan perbuatan tanpa melampaui batas dalam semua aspek kehidupan demi kesejahteraan sejagat.	Kognitif Afektif Psikomotor	Mengetahui maksud kesederhanaan serta memahami kepentingannya dalam konteks kehidupan global. Cth: Menjelaskan bahawa sikap sederhana dapat mengelakkan konflik, ketamakan, dan pembaziran. Menunjukkan penghargaan terhadap sikap sederhana dalam kehidupan harian serta menolak sikap melampau. Cth: Merasa tidak selesa apabila melihat pembaziran atau pamer kekayaan berlebihan dan berazam mengamalkan kesederhanaan. Mengamalkan kesederhanaan dalam gaya hidup, perbelanjaan, pertuturan dan tindakan. Cth: Memilih untuk berkongsi sumber, menggunakan air dan elektrik dengan cermat, serta berbelanja mengikut keperluan.

Perbincangan dan Implikasi

Bahagian ini membincangkan dapatan utama daripada proses konseptualisasi dan operasionalisasi nilai teras dalam DSKP Pendidikan Moral Tahun 4 serta implikasinya terhadap amalan pengajaran, pentaksiran dan pembangunan kurikulum.

Kefahaman Nilai yang Lebih Jelas dan Tersusun

Melalui pendekatan konseptualisasi, nilai-nilai seperti kejujuran, bertanggungjawab dan hormat telah diberikan definisi konseptual dan kontekstual yang berpaksikan rujukan ilmiah, dokumen dasar dan keperluan pendidikan semasa. Ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam dan tepat oleh guru serta membantu dalam mengelakkan kekeliruan tafsiran yang sering menjadi dilema dalam pengajaran nilai (Noor Asiah, 2019; Zulkifli et al., 2021).

Pengajaran dan Pembelajaran yang Terancang Mengikut Tema

Pengelompokan nilai berdasarkan tema seperti Diri, Keluarga dan Masyarakat membolehkan guru menyusun pembelajaran secara progresif dan kontekstual, bermula dari perkembangan intrapersonal hingga tanggungjawab sosial. Ini selaras dengan pendekatan Character Education (Lickona, 1991) dan pembangunan moral menurut Piaget dan Kohlberg.

Pendekatan bertema ini turut memberi ruang kepada guru untuk melaksanakan active learning seperti simulasi, lakonan dan projek nilai mengikut konteks kehidupan sebenar murid, sekali gus meningkatkan penghayatan nilai.

Penyataan Operasi Memudahkan Pentaksiran Holistik

Penyataan operasi yang dibina merangkumi tiga domain – kognitif, afektif, dan psikomotor – dapat menyokong guru dalam merancang pentaksiran secara holistik dan autentik. Pendekatan tahu → rasa → buat membolehkan guru menilai bukan sahaja kefahaman murid terhadap sesuatu nilai, tetapi juga sikap dan perlakuan mereka.

Ini secara langsung menyokong pelaksanaan Standard Prestasi dalam DSKP dan menjawab keperluan pentaksiran berbentuk formatif dan sumatif yang lebih autentik dan bermakna (KPM, 2017).

Menangani Cabaran Pengajaran Nilai Abstrak

Salah satu isu utama dalam Pendidikan Moral ialah kesukaran mengajar nilai yang bersifat abstrak dan dalaman, terutamanya domain afektif. Melalui penyataan operasi yang bersifat deskriptif dan boleh diukur, guru kini memiliki panduan praktikal dalam mengenal pasti tingkah laku yang mencerminkan nilai seperti kesederhanaan, keberanian dan kepercayaan kepada Tuhan.

Implikasinya, ini berpotensi mengurangkan jurang antara teori nilai dalam dokumen kurikulum dan amalan sebenar di bilik darjah, sekali gus meningkatkan keberkesanan pendidikan nilai secara menyeluruh.

Kesimpulan

Artikel ini telah membentangkan satu usaha pemetaan nilai teras dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tahun 4 melalui pendekatan konseptualisasi dan operasionalisasi. Sebanyak 14 nilai telah dikaji, didefinisikan secara konseptual dan kontekstual, serta dikategorikan ke dalam enam tema utama iaitu Diri, Keluarga, Sekolah, Masyarakat, Negara, dan Dunia.

Seterusnya, setiap nilai telah dijelaskan dalam bentuk penyataan operasi yang merangkumi tiga domain pembelajaran – kognitif, afektif dan psikomotor – bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pentaksiran secara holistik. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan kejelasan makna dan hala tuju dalam pelaksanaan nilai, malah memberi panduan praktikal kepada guru, pembina modul, dan penggubal dasar dalam merancang strategi pendidikan nilai yang lebih berfokus dan menyeluruh.

Dapatan daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa penstrukturan semula nilai mengikut tema dan domain mampu menangani kekeliruan tafsiran nilai, memperkukuh pentaksiran autentik, dan menyokong keberkesanan pelaksanaan DSKP Pendidikan Moral dalam bilik darjah.

Cadangan

Salah satu isu utama dalam Pendidikan Moral ialah kesukaran mengajar nilai yang bersifat abstrak dan dalaman, terutamanya domain afektif. Melalui penyataan operasi yang bersifat deskriptif dan boleh diukur, guru kini memiliki panduan praktikal dalam mengenal pasti tingkah

laku yang mencerminkan nilai seperti kesederhanaan, keberanian dan kepercayaan kepada Tuhan.

Penggunaan Peta Nilai Berasaskan Tema dan Domain

Guru disaran untuk menggunakan pemetaan nilai berasaskan tema dan domain ini sebagai rujukan dalam perancangan pengajaran dan pentaksiran Pendidikan Moral.

Pembangunan Modul Digital Interaktif

Hasil pemetaan ini boleh dijadikan asas kepada pembangunan modul digital atau platform pembelajaran moral secara interaktif, terutamanya di bawah inisiatif pendidikan neoterik.

Latihan Profesional Berterusan untuk Guru

Program latihan dan bengkel khusus perlu disediakan kepada guru bagi memperkukuh kefahaman mereka tentang konseptualisasi dan operasionalisasi nilai serta kaedah pelaksanaannya secara holistik.

Pengintegrasian Strategi Pentaksiran Autentik

Pentaksiran nilai wajar dilaksanakan secara autentik dan kontekstual dengan memanfaatkan rubrik, portfolio, pemerhatian, dan penilaian berasaskan projek.

Kajian Lanjutan

Penyelidikan lanjutan disarankan bagi menilai keberkesanan pemetaan nilai ini apabila diaplikasikan dalam bilik darjah sebenar, termasuk respons murid dan impak terhadap pembentukan sahsiah.

Penghargaan

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana membiayai sejumlah RM30,000 untuk geran ini di bawah Geran Penyelidikan Kurikulum Pendekatan Neoterik (GPKPN) 3 Tahap 2: (Ruj: 2022-0009-106-01): bertajuk "*Curriculum Integration of the Neoteric Approach Imparting Sustainable Habit to Moral Education in Second Primary School Level*" dari 1/4/2022 hingga 30/3/2024.

Rujukan

- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. New York: Longman.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). (2019). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Moral Malaysia 2019–2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Halstead, J. M., & Taylor, M. J. (2000). Learning and teaching about values: A review of recent research. *Cambridge Journal of Education*, 30(2), 169–202. <https://doi.org/10.1080/713657146>
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2005). *Garis panduan nilai dan etika perkhidmatan awam*. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Edisi Kemaskini)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tahun 4*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kerlinger, F. N., & Lee, H. B. (2000). *Foundations of behavioral research* (4th ed.). Holt, Rinehart and Winston.
- Kohlberg, L. (1984). Essays on moral development: Vol. II. *The psychology of moral development*. San Francisco: Harper & Row.
- Krathwohl, D. R., & Anderson, L. W. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. Longman.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2021). *Instrumen Pentaksiran Sekolah Rendah (UPSR) bagi subjek Pendidikan Moral*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lickona, T. (1991). *Educating for character: How our schools can teach respect and responsibility*. New York: Bantam Books.
- Marzuki, M., Ahmad, A. R., & Hussin, Z. (2019). Konsep nilai murni dalam pendidikan moral: Satu analisis konseptual. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 1–10. <https://doi.org/10.17576/jpen-2019-44.02-01>
- Ministry of Education Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral Tahun 4*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Nachiappan, S., Kamarudin, K., & Santhiram, R. (2020). Addressing issues in Moral Education through narrative pedagogy. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(1), 123–142. <https://doi.org/10.32890/mjli2020.17.1.5>
- Noor Asiah, B. A. M. (2019). Pengoperasian nilai dalam Pendidikan Moral sekolah rendah: Satu kajian kes (*Tesis doktor falsafah*, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Nucci, L. P., & Narváez, D. (Eds.). (2008). *Handbook of moral and character education*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203114896.ch3>
- Piaget, J. (1965). *The moral judgment of the child*. Free Press.
- Sapie, M., Mahamod, Z., & Ismail, K. (2016). Pengintegrasian domain afektif dalam pengajaran nilai murni. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 11–20. <https://doi.org/10.37134/jpbm.vol6.2.2.2016>
- Tan, C. (2011). Values education in Singapore schools: A critical review. *Educational Research for Policy and Practice*, 10(2), 65–83. <https://doi.org/10.1007/s10671-010-9094-2>
- Vishalache, B. (2015). Moral education in a multicultural society: Managing moral dilemmas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 1–14. https://apjee.usm.my/apjee_30_2015/1_Vishalache_Paper.pdf
- Zulkifli, A. M., Jamal, M. H., & Lee, M. N. (2021). Isu dan cabaran dalam pelaksanaan Pendidikan Moral sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan*, 3(1), 89–103. <https://doi.org/10.37134/jppk.vol3.1.2021.7>